

10/10/2002

Johor yakin rundingan isu harga air dapat diselesai

Ahmad Ghazali Musa

JOHOR BAHRU, Rabu - Kerajaan Johor percaya rundingan harga air Malaysia-Singapura yang dijadualkan berlangsung di sini, minggu depan, dapat memperincikan jalan penyelesaian isu yang sudah tertangguh lama itu.

Menteri Besar, Datuk Abdul Ghani Othman, berkata rundingan yang dijadual berlangsung di sini, pada 16 dan 17 Oktober ini, dapat diperincikan untuk mencari satu penyelesaian konkrit terhadap isu itu.

"Pegawai tertinggi Malaysia dan Singapura akan meneruskan rundingan berhubung harga air di sini, pada 16 dan 17 (Oktober) ini. Ia sebagai langkah susulan (mesyuarat yang diadakan di Kuala Lumpur dan Singapura sebelum ini).

"Kita percaya isu air akan dapat diperincikan pada mesyuarat itu," katanya yang enggan mengulas terperinci rundingan itu. Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mesyuarat mingguan Exco kerajaan negeri, di sini, hari ini.

Akhbar hari ini melaporkan Singapura setuju isu air diasingkan daripada pakej penyelesaian beberapa isu tertangguh dengan Malaysia, yang menimbulkan masalah kepada hubungan kedua negara.

Republik itu juga mahukan rundingan harga air diteruskan pada peringkat pegawai dan menteri.

Perkembangan menggalakkan itu dicapai dalam perbincangan antara Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tong, di Putrajaya, semalam.

Dalam pertemuan selama kira-kira 30 minit itu, Dr Mahathir memberitahu Goh soal air perlu diselesaikan terlebih dulu bagi membuka jalan kepada penyelesaian isu lain yang lama tertangguh.

Goh bersetuju supaya mesyuarat peringkat pegawai kedua-dua negara pada 16 dan 17 Oktober ini membincangkan lebih lanjut formula harga air yang dikemukakan Malaysia supaya boleh diterima kedua pihak.

Cadangan formula harga air yang dikemukakan Malaysia dibuat berdasarkan keadaan semasa dan harga kompetitif.

Harga air mentah yang dijual Malaysia kepada Singapura masih tiga sen bagi setiap 1,000 gelen (4,500 liter) sejak 1957.

Malaysia pertama kali mengemukakan formula harga baru air kepada Singapura pada mesyuarat peringkat Menteri Luar di Putrajaya pada Ogos lalu, tetapi ditolak republik itu yang mahukan formula lebih kompetitif.

Pada mesyuarat kedua peringkat Menteri Luar di Singapura awal bulan lalu, Malaysia mengemukakan sekali lagi formula baru harga air dan Singapura hanya menyatakan persetujuan untuk menimbanginya.

Malaysia dan Singapura sebelum ini bersetuju membiarkan Perjanjian Air 1961 dan 1962 tamat pada 2011 dan 2061, dan satu perjanjian baru dimeterai, jika republik itu mahukan bekalan sehingga 100 tahun lagi.

Isu lain yang tertangguh antara dua negara ialah pengeluaran caruman Kumpulan Wang Simpanan Pusat (CPF), pembangunan tanah milik Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), penempatan pusat pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantik (KIK) serta penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Singapura.